

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

17 JANUARI 2021

1. Polis kompoun penganjur edar ayam beku percuma
2. Wanita maut nahas elak anjing
3. Ayam organik sungguh lazat!
4. Netizen bimbang cetus “cluster ayam”
5. Nyawa melayang angkara anjing
6. Free frozen chicken organiser fined

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Nasional

Polis kompaun penganjur edar ayam beku percuma

Program tak dapat kelulusan pihak berkuasa kerana Putrajaya di bawah PKP

Putrajaya: Polis mengeluarkan kompaun kepada penganjur program pengedaran ayam beku percuma secara pandu lalu kerana menganjurkan program itu tanpa kelulusan pihak berkuasa.

Ketua Polis Daerah Putrajaya, Asisten Komisioner Mohd Fadzil Ali, berkata kompaun dikeluarkan kepada pihak penganjur mengikut Seksyen 22(B) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 iaitu kesalahan di bawah Peraturan 15 Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan (Kawalan Pergerakan) 2020.

Katanya, pihaknya menerima maklumat awal mengenai program yang diadakan kelmarin dan mengeluarkan surat memaklumkan pihak penganjur bahawa program itu tidak mendapat kelulusan pihak Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya memandangkan Putrajaya berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19.

"Program pengedaran ayam beku percuma itu dibuat secara



Penunggang motosikal beratur untuk mendapatkan ayam beku percuma di Putrajaya, semalam.

pandu lalu dengan konsep 'siapa cepat dia dapat' dan mengakibatkan kesesakan lalu lintas dan kehadiran ramai orang di lokasi program," katanya dalam kenyataan, semalam.

Hasil pemeriksaan pihak polis mendapati penjarakan fizikal sukar dilaksanakan dalam kalangan hadirin serta prosedur operasi standard (SOP) gagal dipatuhi oleh pihak penganjur dan orang

awam yang hadir.

Pihak polis tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu dalam menguatkuasakan undang-undang sepanjang PKP.

Tular di media sosial gambar kesesakan di kawasan Presint 9 apabila orang ramai beratur untuk mendapatkan ayam beku percuma yang dianjurkan Pemuda UMNO Putrajaya.

BERNAMA



Mohd Fadzil Ali



KERETA mangsa yang terbabit kemalangan di Kilometer 19 Jalan Bahau-Kemayan dekat Air Hitam.

Wanita maut nahas elak anjing

Jempol: Seorang jururawat dipercayai cuba mengelak anjing di tengah jalan sebelum kereta dipandunya bertembung Proton Wira di Kilometer 19 Jalan Bahau-Kemayan, dekat Air Hitam di sini, semalam.

Kemalangan jam 8.11 pagi itu menyebabkan pemandu Proton Wira yang juga peniaga wanita meninggal dunia manakala jururawat yang memandu Toyota Vios parah di perut.

Ketua Polis Daerah Jempol, Superintendan Hoo Chang Hook berkata, siasatan mendapati kemalangan dipercayai berlaku apabila jururawat berusia 30 tahun dari arah Air Hitam menuju Kemayan, Pahang cuba mengelak anjing di tengah laluan.

“Berikutan itu, kereta jururawat yang bertugas di Kem Gemas itu masuk laluan bertentangan sebelum bertembung kereta mangsa.

“Pertembungan menyebabkan mangsa, Nor Asmah Ja’afar berusia 55 tahun dari Felda Lui Selatan 2 parah di kepala dan meninggal dunia di tempat kejadian,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, mayat mangsa dihantar ke Hospital Jempol untuk dibedah siasat, manakala jururawat berkenaan dibawa ke Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah untuk rawatan.

Menurutnya, siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

AYAM ORGANIK SUGGUH LAZAT!

Dr Mohd Yusoff buat kajian mengenai ayam kacukan sebelum jadi usahawan ternakan

AGRO

Oleh Hafiz Ithnin
hafizithnin@mediaprima.com.my

"Sebagai usahawan bidang penternakan kita perlu tahu bukan saja urusan jual beli malah proses tumbesaran haiwan berkenaan bagi memastikan tidak berlaku kerugian selain memberi cabaran untuk mengusahakannya," jelas usahawan dan penternak ayam organik ini.

Selama 30 tahun bertugas sebagai doktor veterinar yang berkhidmat di sebuah syarikat perusahaan ayam, Dr Mohd Yusoff Suleman sememangnya mempunyai cita-cita untuk menyertai bidang itu ketika masih menjadi individu 'makan gaji'.

Selepas hampir usia persaraan, Dr Mohd Yusoff baru dapat mengejar impiannya. Itu pun secara tidak langsung.

Kongsinya, empat tahun lalu, beliau membeli sebidang tanah berkeluasan sekitar 0.4 hektar di Rembau, Negeri Sembilan dan membela jerai di tanahnya sekadar hobi.

Katanya, selepas membela ayam yang dijadikan sekadar hobi itu cukup tempoh masa untuk disembelih, ternyata haiwan itu mempunyai rasa sungguh lazat.


"Ketika itu, saya turut memberi rakan untuk merasa dagingnya dan mereka mengatakan isi ayam berkenaan lebih lazat berbanding ayam komersial."

"Jadi, saya membuat kajian mengenai ayam kacukan ini yang dikenali sebagai Brown untuk melihat faktor ia boleh menawarkan rasa yang lebih baik berbanding ayam komersial dan mendapati pemakanan secara organik menjadi penyebab," katanya.

Dr Mohd Yusoff mengusahakan ternakan haiwan itu dengan membeli anak ayam, dibesarkan sehingga cukup tempoh disembelih dan diproses untuk dijual kepada pasaran.

Ketika ini, beliau mempunyai tiga jenis ternakan ayam iaitu Hubbard, Ayam Kampung Jerai dan Rakka Coral dari England iaitu ayam telur.

LADANG ayam milik Dr Mohd Yusoff.



Dr Mohd Yusoff tidak nafikan banyak cabaran dalam penternakan ayam.




Saya memberikan haiwan ini makanan dan serangga yang hidup secara liar di kawasan tanah ini iaitu rumput, bayam liar, belalang serta cengkerik

DR MOHD YUSOFF



ANTARA masakan ayam organik



PENTERNAKAN secara bebas membantu ayam lebih sihat.



Empat tahun lalu, beliau hanya memiliki 500 ekor ayam Hubbard dan kini berkembang kepada lebih 3,000 ekor. Bagi Ayam Kampung Jera! beliau baru tiga bulan mengusahakannya dan di peringkat awal mempunyai 100 ekor dan bercadang mengembangkannya sehingga 1,500 ekor pada masa depan.

"Saya amat mementingkan pemakanan ayam ternakan yang tidak dicampurkan dengan makanan komersial mengandungi antibiotik kerana ia boleh memberi kesan kepada rasa dan khasiatnya."

"Jadi, saya memberikan haiwan ini makanan dan serangga yang hidup secara liar di kawasan tanah ini iaitu rumput, bayam liar, belalang dan cengkerik. Pada masa sama dedak organik juga diberikan mengikut sukatan tertentu," katanya yang memiliki lesen ternakan ayam sejak tiga tahun lalu.

Katanya, ayam organik mempunyai permintaan tinggi di pasaran terutama bagi kanak-kanak yang mengalami masalah kulit, ekzema dan wanita mempunyai masalah hormon.

Ketika ini, perusahaan ayam milik Dr Mohd Yusoff boleh menjual daging ayam organik siap diproses mencecah 2,000 kilogram (kg) sebulan.

Ayam organik Hubbard dijual pada RM23 sekilogram dan Ayam Kampung Jera! iaitu daripada Ayam Kampung Akar Putra hasil kajian Profesor Madya Dr Azhar Kasim dijual RM28 sekilogram.

Jelasnya, pada peringkat awal ayam ternakannya hanya dijual di sekitar Negeri Sembilan, namun kini berkembang sehingga ke Lembah Klang dan Johor.

Bercerita mengenai cabaran membesarkan ayam ternakan sehingga ke peringkat atau tempoh sesuai untuk disembelih mencecah lebih 1.5kg, Dr Mohd Yusoff berkata, peringkat anak paling penting untuk memastikan haiwan itu sihat.

"Saya perlu pastikan anak ayam ini tidak mati kerana terdedah kepada keadaan terlalu panas atau hujan. Walaupun haiwan ini mempunyai antibodi yang kuat, potensi untuk mati itu ada."

"Ia kerana pada tahun



BAYAM liar menjadi bahan makanan semula jadi untuk ayam ternakan.

Lalu, hampir 100 ekor anak ayam saya mati kerana musim hujan dan mungkin disebabkan terlalu sejuk," katanya.

Katanya, ayam ternakan juga tidak diberi antibiotik kerana apabila sudah disuntik dengan bahan kimia di dalam badan haiwan itu, ia sudah mengubah kualiti dan khasiat.

"Ayam ternakan saya juga dilepaskan secara bebas di dalam kawasan berpagar supaya tidak diceroboh pemangsa seperti ular dan biawak."

"Malah, setiap jenis ayam mempunyai kawasan bebas mereka tersendiri. Konsep ternakan secara lepas ini membolehkan ayam mencari makanan secara semula jadi dan menyumbang kepada khasiat daging yang lebih baik," katanya.

AYAM Hubbard yang siap diproses.

AYAM Jera! yang siap diproses.

Netizen bimbang cetus 'kluster ayam'

PETALING JAYA – Tindakan kira-kira 2,000 penduduk menyerbu Rumah Pelindungan Kucing di Putrajaya bagi mendapatkan ayam percuma kelmarin mencetuskan kebimbangan dalam kalangan orang ramai.

Melalui gambar yang dikongsi di laman Facebook semalam, ribuan penduduk dilihat pergi ke pusat berkenaan pada pukul 4 petang kelmarin untuk mendapatkan ayam yang diberikan secara percuma oleh Pemuda UMNO Putrajaya.

Motosikal dan kereta dilihat beratur panjang di bahu jalan di kawasan itu bagi tujuan tersebut.

Keadaan itu menyebabkan kawasan tersebut sesak sehingga ke jalan utama di Presint 9 di sini.

Rata-rata netizen bimbang dengan keadaan itu kerana dikhuatiri akan mencetuskan kluster baharu.

Selain itu, netizen turut menegur tindakan orang ramai yang dilihat mengabaikan arahan dan prosedur operasi standard (SOP) Covid-19 yang ditetapkan kerajaan sebelum ini.

Pada masa sama, mereka turut mengesahkan tindakan penganjur kerana ketika ini Putrajaya diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Seorang netizen, Shah Anne Jee berkata, penganjur tidak sepatutnya mengadakan program seperti itu kerana negara dilanda pandemik Covid-19.



PEMILIK kenderaan berbaris panjang untuk mendapatkan ayam percuma di Putrajaya kelmarin.

"Kalau hendak tolong, hantar bekalan ke setiap rumah, (langkah) itu lebih selamat," katanya.

Noryn Yassin turut bersetuju dengan Shah Anne apabila meninggalkan komen: "Kenapa tidak dihantar ke rumah penduduk, tidaklah sesak seperti ini".

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Putrajaya Asisten Komisioner Mohd. Fadzil Ali berkata, pihaknya telah mengeluarkan

kompaun di bawah Seksyen 22(B) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

"Polis menerima maklumat berkenaan program ini dan telah mengeluarkan surat memaklumkan pihak penganjur.

"Memandangkan Putrajaya berada dalam tempoh PKP, program ini tidak mendapat kelulusan Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya," katanya.

Dua kereta bertembung selepas elak haiwan atas jalan

Nyawa melayang angkara anjing

Oleh NOR AINNA HAMZAH

JEMPOL – Gara-gara mengelak seekor anjing berada di atas jalan, dua kenderaan bertembung sehingga mengakibatkan seorang wanita maut dalam kemalangan di Kilometer 19, Jalan Bahau-Kemayan dekat sini semalam.

Dalam kejadian pukul 8.10 pagi itu, mangsa, Nor Asmah Ja'afar, 55, dari Felda Lui Selatan 2, Bandar Seri Jempol meninggal dunia di lokasi kejadian akibat cedera parah pada kepala.

Menurut Ketua Polis Dae-

rah Jempol, Superintendan Hoo Chang Hook, nahas itu melibatkan dua buah kenderaan iaitu kereta jenis Toyota Vios yang dipandu seorang wanita berusia 30 tahun dan kereta jenis Proton Wira yang dipandu Nor Asmah.

Menurutnya, siasatan awal mendapati, pemandu Toyota Vios itu datang dari Air Hitam menghala ke Kemayan dan setiba di lokasi kejadian, wanita tersebut terlihat seekor anjing berada di atas laluan itu.

"Pemandu Toyota Vios itu kemudian mengelak anjing tersebut sehingga memasuki laluan

bertentangan dan bertembung secara berhadapan dengan kereta Proton Wira dipandu Nor Asmah," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Chang Hook berkata, akibat pertembungan itu, pemandu Toyota Vios mengalami kecederaan pada bahagian perut, manakala Nor Asmah parah pada kepala dan meninggal dunia di tempat kejadian.

Mayat mangsa telah dibawa ke Hospital Jempol untuk bedah siasat dan kes disiasat di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.



KEADAAN kereta Proton Wira dipandu Nor Asmah selepas terlibat kemalangan di Kilometer 19 Jalan Bahau-Kemayan, Jempol semalam.



People on motorcycles queuing up for free frozen chicken in Putrajaya on Friday. PIC COURTESY OF READER

FLOUTING MCO

Free frozen chicken organiser fined

PUTRAJAYA: Police issued a compound to the organiser of the free frozen chicken drive-through event, which was held without approval.

Putrajaya district police chief Assistant Commissioner Mohd Fadzil Ali said the compound was issued under Section 22(B) of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988, an offence under Regulation 15 of the Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within the Infected Local Areas) Regulations 2021.

He said police received information about the programme held on Friday and issued a letter informing the organiser that an approval was not given by the Putrajaya district police headquarters because the district was under the Movement Control Order (MCO).

"The frozen chicken was distributed free on a first-come, first-served basis. It caused traffic congestion as people thronged the location," he said yesterday.

Checks by police found that

standard operating procedures were not adhered to by the organisers or public.

He said police would not compromise with anyone in enforcing the law during the MCO.

"The people are advised to comply with the SOP to curb the spread of Covid-19."

Photos of massive crowds at a location in Precinct 9 went viral on Friday.

They showed people rushing to get free frozen chicken in a programme organised by Putrajaya Umno Youth. **Bernama**